

PM: Dua langkah penyelesaian tangani jurang Islam-Barat

UM : Khamis 21/6/2007

Daripada AZIZ ISHAK

MOSCOW 20 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggesa dunia menggerakkan dua langkah penyelesaian bagi menangani jurang antara Islam dan Barat iaitu menerusi penerapan Islam Hadhari di kalangan umat Islam dan dialog peradaban yang aktif di semua peringkat.

Perdana Menteri yakin melalui pendekatan itu salah tanggapan dan prejudis Barat terhadap Islam boleh diperbetulkan sementara kekecewaan umat Islam terhadap ketidakadilan Barat, akan terpadam.

Menurut beliau, jurang itu akan diburukkan lagi dengan prejudis dan kebencian yang menebal dan selagi dunia tidak menumpukan kepada usaha men-

cari penyelesaian.

Abdullah menarik perhatian bahawa konflik antara Islam dan Barat mula dikaitkan dengan dimensi agama hanya selepas perang ke atas keganasan dilancarkan dengan meletakkan kesalahan kepada Islam kononnya menyokong keganasan.

Di Eropah, katanya, semakin menebal rasa tidak percaya kepada umat Islam, yang dilihat

sebagai pihak asing malah sebagai musuh dalaman.

"Umat Islam pula melihat rakan mereka di Eropah sebagai tidak bermoral dan pentingkan diri. Perubahan pada sikap dan persepsi di kedua-dua pihak, adalah amat perlu," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika menyampaikan ucapan ta-

■ Lihat muka 2

Sambungan dari muka 1

PM: Dua langkah penyelesaian tangani jurang Islam-Barat

ma selepas menerima anugerah Ijazah Doktor Kehormat Causa (Honoris Causa) daripada Moscow Institute of International Relations di universiti itu di sini, hari ini.

Ucap utama itu bertajuk *Mempersembahkan Wajah Islam yang Sebenar kepada Dunia*.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia menawarkan pendekatan Islam Hadhari kepada masyarakat antarabangsa sebagai satu lagi sumbangan ke arah memahami Islam daripada semua sudut.

Katanya, Malaysia sedang menerangkan Islam Hadhari atau Islam yang beradaban di kalangan rakyatnya yang pelbagai agama dan menjadikan Islam itu sebagai faktor penyatuan, bukannya perpecahan.

Perdana Menteri menambah, penerapan Islam Hadhari adalah pendekatan terbaik berteraskan toleransi, progresif dan cintakan kea-

manan demi kesejahteraan kepada umat Islam dan bukan Islam.

Katanya, di kalangan orang Islam, beliau menjelaskan Islam Hadhari bukanlah agama atau mazhab baru, ia adalah pendedahan dan pemaparan Islam yang sebenar.

"Kita sedia menawarkan pengalaman Malaysia untuk dikaji oleh pihak lain," katanya.

Abdullah turut menarik perhatian kepada perlunya dialog peradaban dan kebudayaan di semua peringkat dalam masyarakat antarabangsa.

Katanya, dialog tersebut perlu mendapat sokongan di peringkat kerajaan.

Beliau berkata, Malaysia percaya dialog itu yang merupakan cara berkesan merapatkan jurang adalah wadah terbaik berasaskan proses multilateralisme, bukannya menggunakan kuasa ke atas pihak yang

lemah atas percaturan politik, strategik dan penguasaan wilayah.

Itulah yang berlaku di Afghanistan, Iraq, Lebanon, Bukit Golan selain ketidakadilan dan penindasan ke atas rakyat Palestin, jelas beliau lagi.

"Pilihan adalah pada kita. Saya harap masyarakat antarabangsa akan membuat pilihan yang betul sebelum kesempatan itu sudah tiada lagi sampai bila-bila," tegas beliau.

Terdahulu, Rektor Moscow State Institute of International Relations, Anatoly V. Torkunov menyatakan penghargaan ke atas Abdullah kerana mempromosikan keamanan sejagat menerusi pendekatan Islam Hadhari.

Penganugerahan ijazah doktor kehormat kepada Abdullah hari ini adalah sebagai menghargai sumbangan beliau dalam dunia diplomatik antarabangsa.

— Utusan